

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG

➔ Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang atau membuat pinjaman terutama sekali bagi tujuan yang melebihi keperluan asas kehidupan.

➔ Budaya suka berhutang sebegini amat ditegah oleh Islam kerana agama yang mulia ini menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara *wasatiyyah* atau bersed-erhana dan mengutamakan sikap *qana'ah*.

KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM

➔ Al-'ariyah merujuk kepada pinjaman yang melibatkan pemberian sesuatu barang atau harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bagi tujuan penggunaan manfaat barang atau harta tersebut secara percuma.

➔ Al-qard ialah pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang atau komoditi yang boleh dianggaran dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

DEFINISI AL-QARD

Al- bermaksud al-qat'u (potong)

Qard

bahasa

Al- merujuk kepada penyerahan Qard sesuatu barang atau harta istilah daripada perniutang kepada penghutang dengan syarat barang tersebut atau sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.

DEFINISI AL-QARD (cont)

➔ Sebarang tambahan terhadap barang atau wang yang diberi pinjam adalah *ditegah dalam Islam* kerana ia dianggap sebagai riba atau lebihan yang tidak mempunyai ganti yang dikenakan oleh pemberi pinjaman sementara menunggu bayaran balik.

DALIL LARANGAN RIBA

firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَرْبَوْا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُولُ الَّذِي يَنْهَا بَطْهُ أَنَّهُمْ طَلَبُوا مِنْ أَمْسِكٍ ذَلِكَ يَأْنَهُمْ قَاتَلُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ أَرْبَوْا وَاحْلَالَ اللَّهِ الْبَيْعَ وَحْرَمَ أَرْبَوْا فَمِنْ جَاءُهُمْ مَوْعِظَةٌ مِّنْ رَّبِّهِ فَأَتَيْهُمْ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَمَمْرُورٌ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ ۚ ۲۷۵

DALIL LARANGAN RIBA (cont)

Terjemahan: "Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu, sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhan-Nya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya."

PRINSIP AL-QARD AL-HASAN

★ Prinsip -kerana pinjaman yang muamalah mempunyai faedah Islam secara mempunyai unsur-unsur jelas mengha- penindasan dan ketidak- ramkan kadilan sehingga sebarang membebankan pihak bentuk yang meminjam wang pinjaman wang yang mempunyai faedah.

★ al-qard al- -merupakan manifestasi hasan keprihatinan seseorang bermaksud untuk melakukan pinjaman yang kebajikan dengan baik. membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan

Sponsored by [Readable.com](#)
Measure your website readability!
<https://readable.com>



HUKUM AL-QARD AL-HASAN

⚡ Hukum pelaksanaan Qard hasan adalah sunat

RUKUN AL-QARD

1. Pemutang (orang yang memberikan pinjaman)
2. Penghutang/peminjam
3. Barang yang dipinjam
4. Sighah (lafaz ijab dan qabul)

OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- ⚡ Membantu golongan yang memerlukan.
- ⚡ Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.
- ⚡ Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.
- ⚡ Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

☁ Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen dan obligasi masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut dan merekodkan pembayaran yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya penipuan.

☁ Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang meskipun telah dipersetujui atau disyaratkan di awal kontrak.



By **nuriliamanda**
(nuriliamanda11)

cheatography.com/nuriliamanda11/

BANTUAN KEPADA GOLONGAN ASNAT

⚡ **Institusi zakat** Fungsi institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang berasib baik

GEJALA CETI HARAM

⚡ **Kegiatan bertentangan dengan ajaran Islam** kerana mengandungi unsur ceti haram atau ah long secara jelas serta tidak telus terutama sekali dalam aspek struktur pinjaman dan pembayaran balik

KESIMPULAN

⚡ Islam merupakan agama yang telah menyediakan hampanan jalan kehidupan yang syumul dengan menganjurkan umatnya bijak menguruskan kehidupan temasuk dalam aspek pengurusan kewangan.

⚡ Tabiat gemar berhutang wajar dihindari kerana kesannya mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran, kerisauan dan tertekan sehingga menjaskan kerukunan institusi kekeluargaan serta merenggangkan hubungan persaudaraan dan persahabatan.

⚡ Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing.

KESIMPULAN (cont)

⚡ Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip al qard al-hasan.

⚡ Pelan pinjaman al-qard al-hasan wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam mengerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba.

Published 19th June, 2020.

Last updated 19th June, 2020.

Page 2 of 2.

Sponsored by **Readable.com**
Measure your website readability!
<https://readable.com>